

LIBLAN FILM COATED TABLET

Chlordiazepoxide (5mg)/Clidinium bromide (2.5mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan LIBLAN TABLET
2. Bagaimana LIBLAN TABLET berfungsi
3. Sebelum menggunakan LIBLAN TABLET
4. Cara menggunakan LIBLAN TABLET
5. Semasa menggunakan LIBLAN TABLET
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan LIBLAN TABLET
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan LIBLAN TABLET

LIBLAN TABLET digunakan sebagai rawatan sampingan untuk ulser peptik (ulser perut), sindrom kerengsaan usus (gangguan yang melibatkan sakit perut berulang, cirit birit atau sembelit), pengeluaran rembesan badan dan pergerakan saluran gastrosus yang berlebihan.

Bagaimana LIBLAN TABLET berfungsi

LIBLAN TABLET mengandungi gabungan dua bahan aktif yang dipanggil chlordiazepoxide dan clidinium bromide. LIBLAN TABLET berfungsi dengan melegakan keresahan dan mengurangkan rembesan penghadaman; dengan itu memperbaiki sesetengah masalah perut dan usus.

Chlordiazepoxide tergolong dalam kumpulan ubat yang dipanggil *benzodiazepine* yang mempunyai kesan menenangkan. Chlordiazepoxide juga bertindak sebagai antikonvulsi dan pengenduran otot untuk masalah kekejangan otot.

Clidinium bromide tergolong dalam kelas ubat yang dikenali sebagai *anticholinergic/antispasmodic*. Clidinium bromide berfungsi dengan memperlambatkan pergerakan semulajadi usus dengan merelaksakan otot-otot di dalam perut dan usus.

Sebelum menggunakan LIBLAN TABLET

-Bila tidak boleh menggunakan

Jangan gunakan LIBLAN TABLET jika:

- anda mempunyai alahan terhadap chlordiazepoxide, clidinium bromide, sebarang ubat benzodiazepine atau mana-mana bahan yang terkandung di

dalam produk ini (lihat seksyen **Maklumat lanjut**).

- anda mempunyai atau pernah mempunyai glaukoma (peningkatan tekanan dalam mata), hipertrofi prostat (pembesaran kelenjar prostat), halangan pada leher pundi kencing benigna, myasthenia gravis (kelemahan dalam otot tertentu), penyakit gastrosus obstruktif (halangan dalam usus), *paralytic ileus* atau *intestinal atony* (masalah otot usus), *ulcerative colitis* atau *toxic megacolon* (keradangan dalam usus besar).
- anda sedang memasuki kehamilan trimester pertama dan terakhir.

-Sebelum menggunakan LIBLAN TABLET

Beritahu doktor anda atau ahli farmasi jika anda mengalami alahan kepada sebarang ubat-ubatan atau anda mempunyai sebarang masalah kesihatan, seperti

- terlibat dalam pengendalian mesin. Perhatian diperlukan terhadap kesan pergabungan alkohol dan *central nervous system* depresan yang lain.
- mempunyai neuropati (sebarang penyakit saraf) yang sedia ada.
- masalah kardiovaskular seperti kegagalan jantung kongestif, penyakit jantung koronari (penyakit jantung disebabkan ketidaknormalan pada arteri yang menyalurkan darah dan oksigen kepada jantung), tekanan darah tinggi, *tachycardia* (degupan jantung mencepat), *tachyarrhythmias* (denyutan jantung yang tidak tetap dan mencepat yang tidak normal), hipertiroidisme (peningkatan tahap hormon thyroid), fungsi buah pinggang atau hati yang terjejas.
- warga tua, Dos perlu dihadkan kepada dos yang paling kecil dan berkesan untuk mengelakkan ataksia (penjejasan keupayaan untuk menyelaraskan pergerakan), mengantuk melampau dan kekeliruan.
- Pemanasan haba yang keterlaluan mungkin berlaku dengan penggunaan antikolinergik disebabkan oleh peluh berkurangan.
- Perhatian perlu diambil

untuk individu yang mempunyai kecenderungan ketagihan.

- Perhatian juga perlu diambil untuk orang yang mempunyai penyakit mental.

Mengandung dan menyusukan anak: Jangan mengambil LIBLAN TABLET jika anda hamil dan menyusukan bayi tanpa berunding dengan doktor anda. Tanya doktor atau ahli farmasi anda untuk nasihat sebelum mengambil sebarang ubat.

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Sesetengah ubat boleh terjejas oleh LIBLAN TABLET, atau boleh menjejaskan fungsinya:

- antikolinergik yang lain.
- Ketoconazole, itraconazole (ubat untuk merawat jangkitan kulat).
- *Opioid* (ubat untuk melegakan kesakitan).
- alkohol, *antipsychotic* (ubat untuk merawat masalah mental), antihistamin (ubat selsema dan alergi) dan anestetik (biasanya digunakan ketika pembedahan)
- antihipertensi (ubat untuk tekanan darah tinggi) seperti lofexidine dan moxonidine.

Ubat-ubat lain yang tidak disenaraikan di atas juga boleh berinteraksi dengan LIBLAN TABLET. Doktor anda dan ahli farmasi mempunyai maklumat lanjut mengenai ubat-ubatan yang perlu diberi perhatian atau dielakkan semasa pengambilan ubat ini.

Cara menggunakan LIBLAN TABLET

-Berapa banyak harus digunakan

Dewasa: satu hingga dua tablet, satu hingga empat kali sehari, 30 hingga 60 minit sebelum makan. Maksimum 8 tablets sehari.

Warga tua dan lemah: bermula dengan satu hingga dua tablet sehari, kemudian selaraskan kepada dos paling berkesan yang boleh diterima.

Kanak-kanak: penggunaan pada kanak-kanak tidak digalakkan kecuali potensi manfaat mengatasi potensi risiko.

-Bila perlu digunakan

LIBLAN TABLET perlu diambil mengikut masa yang dinasihatkan oleh doktor atau ahli farmasi anda. Ubat ini boleh diambil sebelum makan.

-Berapa lama perlu digunakan

LIBLAN TABLET perlu digunakan dalam tempoh mengikut nasihat doktor anda.

-Jika terlupa menggunakan

Jika anda terlupa satu dos dan anda mengambil ubat ini secara berterusan, ambil dos itu secepat mungkin. Jika mendekati masa pengambilan dos yang seterusnya, jangan mengambil dos yang berganda untuk menggantikan dos yang terlupa, kecuali dinasihati oleh doktor. Jangan mengambil dua dos pada masa yang sama.

-Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan.

Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Gejala dos berlebihan mungkin termasuk kekeliruan yang berterusan, kadar refleksi menurun, mengantuk yang teruk, degupan jantung yang perlahan, sesak nafas atau mengalami masalah pernafasan, pertuturan tidak jelas, ketidakseimbangan dan kelemahan yang teruk.

Semasa menggunakan LIBLAN TABLET

-Perkara yang perlu dilakukan

Patuhi arahan doktor anda semasa anda menggunakan LIBLAN TABLET.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan LIBLAN TABLET.

Beritahu doktor anda jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti mengambil ubat ini atau mengubah pengambilan dos tanpa arahan doktor. Doktor anda akan menerangkan bagaimana untuk mengurangkan dos LIBLAN TABLET secara beransur-ansur sebelum anda boleh berhenti mengambil sepenuhnya.

Jangan memberi ubat ini kepada orang lain walaupun simptom mereka serupa dengan anda.

Jangan mengambil alkohol semasa menggunakan LIBLAN TABLET. Ubat ini boleh meningkatkan kesan alkohol.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

Memandu dan menggunakan jentera

Perhatian perlu diambil jika anda melakukan pekerjaan yang memerlukan kesedaran mental yang menyeluruh (seperti menggunakan jentera dan memandu).

LIBLAN TABLET mungkin mengganggu keupayaan anda untuk memandu atau mengendalikan jentera. Jika ubat ini menyebabkan anda terasa loya, pening, letih, atau sakit kepala, jangan memandu atau mengendalikan jentera dan hubungi doktor anda dengan segera.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, LIBLAN TABLET boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Jumpa doktor anda atau ahli farmasi dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini:

- rasa mengantuk, ataksia (kekurangan koordinasi otot) mulut kering dan reaksi alahan.
- edema (cecair berlebihan dalam tisu badan), kekeliruan, loya, sembelit dan haid tidak teratur yang ringan. *Agranulocytosis, granulocytopenia, dan leukopenia* (gangguan darah)
- Penekanan sistem saraf pusat, peningkatan tekanan cecair dalam mata, jaundis, penglihatan kabur dan pengejalan kencing.

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengalami sebarang kesan sampingan yang lain.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550 atau laman web portal.bpfk.gov.my (*Consumers* → *Reporting*).

Cara penyimpanan dan pelupusan LIBLAN TABLET

-Penyimpanan

Simpan di bawah suhu 30°C, elakkan daripada terdedah kepada cahaya dan kelembapan.

-Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

-Rupa dan warna produk

LIBLAN FILM COATED TABLET ialah tablet bersalut selaput yang berwarna hijau cair.

-Bahan –bahan kandungan

-Bahan aktif

Clidinium bromide
Chlordiazepoxide

-Bahan tidak aktif

Microcrystalline Cellulose
Lactose
Carboxymethylcellulose Calcium
Magnesium Stearate
Quinoline Yellow
Titanium Dioxide
Dimethylpolysiloxane
Polyethylene Glycol
Hypromellose
FDC Blue

-Nombor MAL

MAL 20013121A

Pengilang

Y.S.P. Industries (M) Sdn. Bhd.
Lot 3,5 & 7, Jalan P/7, Section 13,
Kawasan Perindustrian Bandar Baru
Bangi, 43000 Kajang, Selangor Darul
Ehsan, Malaysia.

Pemegang Pendaftaran Produk

Y.S.P Industries (M) Sdn. Bhd.
Lot 3,5 & 7, Jalan P/7, Section 13,
Kawasan Perindustrian Bandar Baru
Bangi,
43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan
Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP :

13/1/2016

Nombor Siri :

BPFK(R4/1)301115/00471